

07 DEC 2000

MAJLIS BINCANG USAHA ATASI SALAHGUNA AGAMA UNTUK POLITIK

PUTRAJAYA, 7 Dis (Bernama) -- Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia yang mengadakan mesyuaratnya di pejabat Perdana Menteri di sini hari ini membincangkan antara lain soal mengatasi masalah penyalahgunaan agama untuk kepentingan parti politik.

Mesyuarat kali ke-41 itu, yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, juga membincangkan masalah ajaran sesat, pendidikan Islam dan usaha-usaha meningkatkan syiar Islam.

Menurut kenyataan pejabat Perdana Menteri petang ini, mesyuarat itu turut membincangkan pelaksanaan program penghayatan menyeluruh fardu kifayah serta pertambahan peruntukan tahunan kepada Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim).

Yang turut menghadiri mesyuarat itu ialah Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali, Menteri Besar dan Ketua Menteri serta wakil pelbagai badan dan agensi agama.

-- BERNAMA

AFY GM RON